

B514  
 MAHATHIR - PERBADANAN  
 (1)

DARI HASHIM MAKARUDDIN  
 1980

NEW YORK, 29 OGOS (BERNAMA)—BEBERAPA PERBADANAN TERKEMUKA AMERIKA TELAH MEMBAYANGKAN KEINGINAN UNTUK MELABUR ATAU MELUASKAN KEGIATAN MEREKA DI MALAYSIA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG BERLEPAS DARI SINI MALAM HARI KHAMIS SETELAH MENGHADIRI SIDANG KHAS KE-11 BANGSA-BANGSA BERSATU BERKATA, PERBADANAN ITU TERMASUK GENERAL ELECTRIC, AMERICAN MOTORS, UNIROYAL, WESTINGHOUSE DAN REYNOLDS INTERNATIONAL METALS.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA MALAYSIA BAHAWA INTERNATIONAL HARVESTER TELAH MEMBUAT PERJANJIAN DENGAN UNITED ENGINEERS MALAYSIA UNTUK MENUBUHKAN KILANG MEMASANG TREKTOR.

USAHASAMA MENELAN BELANJA KIRA-KIRA \$22 JUTA (US\$10 JUTA) ITU AKAN DITEMPATKAN DI PASIR GUDANG, JOHOR DAN AKAN MEMENUHI PERMINTAAN PASARAN NEGARA INI DAN KAWASAN SEKITARNYA.

KELMARIN, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENGADAKAN PERJUMPAAN MAKAN TENGAH HARI DENGAN 50 ORANG PEGAWAI KANAN PERBADANAN TERKEMUKA AMERIKA DI MANA BELIAU TELAH MENERANGKAN PELUANG-PELUANG PELABURAN YANG TERDAPAT DI MALAYSIA. —BERSAMBUNG 1149/MD

B515  
 MAHATHIR - PERBADANAN 2 NEW YORK

GENERAL ELECTRIC MEMPUNYAI SEBUAH SYARIKAT ELEKTRONIK DI MUAR, JOHOR SEMENTARA UNIROYAL MEMILIKI SEBUAH LADANG GETAH DI MEDAH DAN MERANCANG UNTUK MENUBUHKAN KILANG KIMIA GETAH DI NEGERI ITU.

MENGENAI RANCANGAN REYNOLDS INTERNATIONAL METALS UNTUK MENUBUHKAN SEBUAH KILANG ALUMINIUM DI BINTULU, SARAWAK, BELIAU BERKATA PROJEK TERSEBUT BERGANTUNG KEPADA HARGA GAS YANG AKAN DITETAPKAN OLEH PETRONAS.

+KAMI BERMINAT DALAM PROJEK ITU TETAPI FAKTOR UTAMA IALAH HARGA GAS YANG SUDAH TENTU BUKAN RENDAH, TAMBAH BELIAU.  
MENGENAI SIDANG KHAS BANGSA-BANGSA BERSATU UNTUK MENGATUR STRATEGI PEMBANGUNAN DALAM DEKAD AKAN DATANG DAN AGENDA BAGI RUNDINGAN SELURUH DUNIA TAHUN DEPAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SIDANG SEPERTI INI PERLU DIADAKAN SEKALI SETAHUN ATAU DUA TAHUN BAGI MENENTUKAN PELAKSANAAN BERKESAN SUSUNAN BARU EKONOMI ANTARABANGSA.

PERJUMPAAN SEPERTI ITU PENTING KERANA IA MELIBATKAN PERWAKILAN PADA PERINGKAT MENTERI YANG MEMPUNYAI KUASA POLITIK UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN.

KATANYA, ASEAN AKAN MEMBUAT SATU CADANGAN KEPADA JAWATAN-KUASA SEMENTARA PERSIDANGAN SUPAYA SIDANG YANG LEBIH KERAP DIADAKAN. —BERSAMBUNG 1155/MD

B516

MAHATHIR - PERBADANAN 3 NEW YORK

MENGENAI KEMELESATAN EKONOMI, PERKARA YANG BANYAK DISENTUH DALAM SIDANG TERSEBUT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA HARUS MENGAKUI IA MENGHADAPI MASALAH ITU JUGA.

BELIAU MENEGASKAN MASALAH ITU PERLU DIATASI DI PERINGKAT ANTARABANGSA TETAPI MALAYSIA BERPENDAPAT NEGARA-NEGARA MAJU YANG MENGHADAPI KEMELESATAN YANG BERTERUSAN TIDAK MENGAMBIL LANGKAH YANG CUKUP UNTUK MENGHAPUSKANNYA.

SEBALIKNYA MALAYSIA TELAH MEMBERI BANTUAN MENGIKUT KEMAMPUANNYA KEPADA NEGARA-NEGARA MUNDUR.

KATA BELIAU MALAYSIA JUGA TELAH MELABUR DI LAIN-LAIN NEGARA MEMBANGUN DAN JUGA MEMBERI LAYANAN KHAS KEPADA BEBERAPA NEGARA ITU.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENINGATKAN KEMEWAHAN MALAYSIA SEKARANG MUNGKIN SEMENTARA SAHAJA DAN NEGARA INI HARUS BERHATI-HATI TERHADAP PENGLIBAYANNYA DI MASA HADAPAN. —BERNAMA 1159/MD